

| | | | |
|------------|-----------------------|-------------|--------------------|
| Headline | Jangan malu rawat HIV | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Utara) | | |
| Date | 07 Dec 2011 | Color | Black/white |
| Section | NEWS | Circulation | 60,000 |
| Page No | u26 | Readership | |
| Language | Malay | ArticleSize | 99 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 396 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,188 |



Jangan malu rawat HIV

KANGAR – Jabatan Pembangunan Wanita Perlis (JPW) meminta agar wanita yang menghidap HIV mendapatkan rawatan di pusat kesihatan yang berdekatan.

Pengarahnya, Mohd Hazimin Jamaluddin berkata, mereka menerima aduan golongan berkenaan enggan mendapatkan rawatan kerana malu.

Beliau berkata, sikap itu bukan sahaja akan menyusahkan golongan wanita tersebut, malah turut mengancam masyarakat yang berada di sekeliling mereka.

“Saya difahamkan ada se-

orang wanita yang menghidap HIV daripada arwah suaminya, namun tidak tahu dia menghidap penyakit ini sehingga kematian suaminya.

“Wanita ini memaklumkan kepada saya bahawa dia berasa malu dan bimbang berkenaan persepsi masyarakat sekeliling terhadap penghidap HIV. Timbul perasaan malu dan takut untuk mendapatkan rawatan bagi mengubati jangkitan ini,” katanya.

Hazimin berkata, walaupun pihaknya tidak menyediakan bantuan kewangan, namun pihaknya akan berusaha untuk merujuk pesakit itu ke-

pada jabatan atau agensi berkenaan sehingga mereka memperoleh bantuan bagi menyara hidup.

“Antara agensi kerajaan yang boleh membantugolongan pesakit ini ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kesihatan. JPW juga boleh memberi khidmat kaunseling untuk membantu pesakit ini menjalani kehidupan seperti insan lain.

“Memang kita akui, ada sesetengah golongan wanita yang menerima jangkitan ini hanya berserah kepada takdir dan tidak mendapat rawatan sepatutnya,” katanya.